



## PENGENALAN

- Pelbagai cabaran/Isu Pencemaran yang berlaku
- Penjenayah alam sekitar
- Mencabar kesihihan/bukti siasatan dan sabitkan kesalahan
- Pelbagai Ops yang dijalankan oleh JAS
- Tuntutan Kerja 7 hari/seminggu/siang malam
- Keperluan kepada Ilmu dan pengetahuan yang mencukupi sepanjang masa termasuk pemahaman terhadap perundangan JAS / AKAS 1974
- Kuasa Pegawai JAS, Perkara yang dikuatkuasakan & Tindakan Susulan Yang Boleh diambil

## EVOLUSI AKTA ALAM SEKITAR



14 Mac 1974

**AKAS 1974**  
Diwartakan

1 April 1975

**AKAS 1974**  
Dikuatkuasa  
kan



1976- 2012



6 kali Pindaan :  
1986, 1996,  
1998, 2001,  
2007 & 2012





2015

Rancangan  
pindaan  
**AKAS**







## TAFSIRAN

Tafsiran dalam AKAS 1974 seperti yang di nyatakan melainkan jika kandungan ayat menghendaki makna yang lain

Tujuan tafsiran untuk menjelaskan maksud sesuatu perkara/subjek bagi pemakaian Akta.

Terdapat 46 tafsiran dalam AKAS 1974

### Antara Tafsiran dalam AKAS 1974

- Alam sekeliling - faktor-faktor fizikal bagi kawasan disekeliling manusia termasuk tanah, air, udara, iklim, bunyi, bau, rasa, faktor biologi bagi binatang & tumbuhan & faktor sosial astetika
- Audit alam sekeliling - penilaian berkala, sistematis, didokumentasi & penilaian objektif untuk tentukan: status pematuhan, sistem pengurusan risiko alam sekeliling keseluruhan

● *Benda berbahaya kepada alam sekeliling*

*apa-apa benda semulajadi atau buatan,  
termasuklah apa-apa bahan mentah samada  
dalam pepejal, separuh pepejal, bentuk cecair,  
bentuk gas atau wap, atau dalam campuran  
sekurang-kurangnya dua daripada benda ini  
atau apa-apa organisma hidup yang dicadangkan  
bagi apa-apa perlindungan, pemeliharaan dan  
aktiviti kawalan yang boleh menyebabkan  
pencemaran*

● *Boleh dipraktikkan*

*boleh dipraktikkan dengan munasabah  
memandang, antara lain, kepada keadaan &  
hal-hal tempatan & kepada keadaan semasa  
pengetahuan teknik & istilah “ cara boleh  
dipraktikkan” termasuklah mengadakan &  
menyenggara loji dengan cekap &  
menggunakan loji itu dengan sepatutnya &  
penyeliaan oleh atau bagi pihak penduduk  
akan sesuatu proses atau kendalian*

- **Buangan**

*termasuklah apa-apa yang ditetapkan sebagai buangan terjadual atau benda samada dalam pepejal, separuh pepejal, bentuk cecair, bentuk gas atau wap*

*yang dilepaskan, dikeluarkan atau diletakkan dalam sekeliling dalam apa-apa isipadu, komposisi atau cara yang menyebabkan pencemaran*

- **Buangan Terjadual**

*apa-apa buangan yang ditetapkan oleh Menteri dalam peraturan-peraturan sebagai buangan terjadual*

- **Campuran mengandungi minyak**

*sesuatu campuran dengan apa-apa kandungan minyak yang ditentukan oleh Menteri atau jika kandungan minyak itu tidak ditentukan, sesuatu campuran dengan kandungan minyak sebanyak satu ratus bahagian atau lebih dalam satu juta bahagian campuran itu*

● **Dokumen**

apa-apa hal yang dinyatakan, digambarkan pada benda, bahan, barang atau artikel, termasuklah apa-apa yang terkandung dalam cakera, pita, filem, runut bunyi atau alat dengan menggunakan : huruf, tanda, simbol, isyarat, lambang, rakaman visual, rakaman bunyi, pemancaran atau kombinasi cara diatas.

● **Kapal** - termasuklah tiap-tiap jenis vesal atau perahu atau binaan terapung

● **Kelengkapan kawalan**

termasuk apa-apa alat/perkakas / kemudahan yang digunakan untuk ;

- *pungut buangan-buangan*
- *membolehkan suatu kelengkapan dikendali dengan lebih cekap*
- *tunjuk dan rekod pencemaran atau beri amaran mengenai pencemaran yang berlebihan*
- *menghadkan pencemaran*

● **Kenderaan**

*suatu struktur yang berupaya bergerak atau digerakkan atau digunakan angkut orang atau benda & SENANTIASA BERSENTUH DENGAN PERMUKAAN BUMI semasa bergerak*

● **Ketua Pengarah** - ertiannya Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekeliling yang disebutkan dalam seksyen 3, Akta

● **Komputer**

*apa-apa alat, yang dikenalpasti dengan nama atau perihalan apa pun, bagi merekodkan, menyimpan, memproses, mendapatkan semula atau mengeluarkan apa-apa maklumat atau hal, atau bagi melaksanakan mana-mana satu fungsi itu atau lebih: dan jika dua komputer atau lebih menjalankan mana-mana satu fungsi itu atau lebih sebagai kombinasi, disatukan, atau berturutan, komputer itu hendaklah dikira sebagai komputer*

● *Loji perindustrian*

*sesuatu koji digunakan untuk menjana kuasa atau appa-pa kegunaan perindustrian atau kendali kapal, kapal korek, loko, kerin atau lain-lain mesin*

● *Minyak*

*a) minyak mentah, minyak diesel, minyak bahanapi & minyak pelincir*

*(b) apa-apa lain jenis minyak yang ditetapkan oleh Menteri*

● *Orang yang berwibawa*

*orang yang berwibawa untuk menjalankan aktiviti sebagaimana dinyatakan dalam Seksyen 49A*

● *Orang yang layak*

*seseorang yang memenuhi kehendak sebagaimana yang ditentukan oleh KPAS untuk jalankan audit alam sekeliling & penilaian kesan alam sekitar (EIA) & untuk kemukakan laporannya*

- **Pembawa yang ditetapkan**

kenderaan atau kapal yang ditetapkan oleh Menteri di bawah Seksyen 18 sebagai pembawa yang ditetapkan

- **Pesawat udara**

*termasuklah apa-apa jenis kenderaan yang digunakan bagi membawa penumpang atau barang-barang melalui udara*

- **Pemunya**

(a) mana-mana premis - tuan punya berdaftar, pemegang pajak, ejen atau pemegang amanah, orang yang sedang menerima sewaan

(b) sesuatu kapal - orang yang berdaftar, pengendali kapal berdaftar, ejen atau pemegang amanah

(c) mana-mana kenderaan atau pesawat - orang yang berdaftar sebagai pemunya

● **Penduduk**

seseorang yang menduduki atau mengawal;

- (a) mana-mana premis
- (b) berhubungan dengan premis yang bahagian berlainan diduduki oleh orang berlainan , orang mengawal & menduduki bahagian itu
- (c) apa-apa kenderaan, kapal atau pesawat udara

● **Pencemar**

apa-apa benda semula jadi atau buatan samada dalam pepejal, separuh pepejal, bentuk cecair, bentuk gas atau wap atau campurannya, bunyi bising, bau busuk yang akan atau berkemungkinan dilepaskan, dikeluarkan atau diletakkan dari sumber secara langsung atau tidak langsung **MENYEBABKAN PENCEMARAN**

● **Pencemaran**

Suatu perbuatan atau proses, samada semula jadi atau buatan, yang menyebabkan kemasukan apa-apa bahan cemar ke dalam alam sekeliling dengan melanggar syarat-syarat yang boleh diterima sebagaimana yang dinyatakan dalam peraturan-peraturan yang dibuat **DIBAWAH SEKSYEN 21**

- *Premis*

*termasuklah  
mesuaj,  
bangunan, tanah,  
& hereditamen  
tiap-tiap  
pemegangan dan  
apa-apa jentera  
atau loji.*

- *Premis yang ditetapkan  
sesuatu premis yang ditetapkan oleh Menteri di bawah seskyen 18.*

- *Perairan daratan*

*apa-apa takungan, kolam tasik, sungai, anak sungai tali air, mata air atau telaga, atau mana-mana bahagian laut diatas tikas air rendah disepanjang pantai atau mana-mana badan dengan permukaan semulajadi atau buatan yang lain atau perbuatan lain atau subpermukaan air*

- *Perairan Malaysia*

*perairan wilayah Malaysia sebagaimana ditentukan menurut Ordinan No.7 (Kuasa-Kuasa Perlu) Darurat 1969*

- *Program pengawasan*

*segala tindakan diambil dan segala kelengkapan yang digunakan bagi maksud mengesan /mengukur kuantiti dan atau kualitinya adanya, jumlah atau aras apa-apa benda/ciri atau kesan*

- *Risiko alam sekeliling*

*apa-apa risiko, bahaya atau kemungkinan akibat buruk yang boleh terjadi terjadi pada alam sekeliling*

- *Rancangan fizikal*

*rancangan fizikal di bawah Akta Perancang*

*Bandar & Desa 1976, dll*

- *Rancangan pemajuan*

*erti yang sama dibawah Akta Perancang  
Bandar & Desa 1976 dll*

- **Sistem pengurusan alam sekeliling**

sistem terdiri dari suatu struktur organisasi dengan tanggungjawab, amalan, prosedur, proses & sumbernya bagi laksana & senggara sistem berhubung dengan alam sekitar

- **Tanah tanih**

termasuklah tanah, pasir, batu batan, syil & galian dan tumbuhan dalam tanah tanih

- **Transit**

laluan berterusan dari sempadan kesempadan lain melalui wilayah & perairan Malaysia

- **Tred**

apa-apa tred, urusan atau pengusahaan biasanya dijalankan dipremis yang tetap & lepaskan buangan termasuk aktiviti yang ditetapkan

## KUASA KPAS & PEGAWAI JAS

Menjalankan tugas Ketua Pengarah Alam Sekitar

**s 3(4)**

**s 37A**

Memeriksa orang yang mengetahui kes

**s 38A**

Kuasa Pegawai JAS

**s 37B**

Menahan, menaiki dan mengelidah dsb

**s 38**

**s 37C**

Penyiasatan

Kad kuasa

Penangkapan

### Seksyen 3

Ketua Pengarah yang dilantik mempunyai kuasa untuk mentadbir AKAS 1974, Peraturan dan perintah di bawahnya dan tanggungjawab yang lain.

s3(4) memberi kuasa kepada Pegawai JAS untuk menjalankan kuasa, kewajipan dan tugas Ketua Pengarah

### Seksyen 37A

Pegawai JAS mempunyai semua kuasa yang perlu untuk menjalankan siasatan di bawah AKAS 1974

Siasatan kesalahan di bawah AKAS 1974 boleh mengikut semua atau mana-mana berhubungan siasatan Polis dalam kes boleh tangkap

### Seksyen 37B

Kad kuasa Pegawai JAS ditandatangani oleh Menteri

Pegawai JAS Kad mesti kemuka kad kuasa bila diminta semasa siasatan

### Seksyen 37C

Pegawai JAS boleh menangkap tanpa waran orang di percayai dengan munasabah pesalah alam sekitar dibawah Akta ini

Orang ditangkap dibawa ke Balai Polis berhampiran dengan segera hendaklah diurus mengikut perundangan

## Seksyen 38

Pegawai JAS boleh menyiasat semua kesalahan bawah AKAS 1974 tanpa WARAN,

- Menahan, menaiki , menggelidah kenderaan, kapal dan pesawat udara
- Memasuki premis



- menyiasat, memeriksa, menyita, menahan, kelengkapan,komputer,olji perindustrian, Buangan Terjadual, lesen, dokumen berkaitan dsb
- Membuat pertanyaan,
- Mengambil sampel

## Seksyen 38 A

Pegawai boleh memeriksa orang yang mengetahui kes (rakaman percakapan) seperti saksi secara lisan dan ubah dalam bentuk bertulis

Prosedur pemeriksaan - soalan/jawapan, bercakapan benar, pemberitahuan, pembacaan pernyataan,pindaan dan tandatangan.

Objektif orang diperiksa menjadi saksi pendakwaan

**Seksyen 38AA**

Pernyataan saksi boleh diterima sebagai keterangan

Saksi boleh dicabar jika keterangan berbeza dengan pernyataan

Salinan Pernyataan boleh diberikan kepada tertuduh(arahan mahkamah)

Pernyataan boleh diguna sebagai keterangan dalam kes pendakwan



### Seksyen 38 AB

Pegawai JAS boleh secara bertulis menghendaki saksi hadir di hadapanya untuk dibuat pemeriksaan (rakaman percakapan)

Boleh dapatkan perintah mahkamah Sesyen untuk memaksa/me mastikan kehadiran orang yang hendak diperiksa

### Seksyen 45

Kuasa pegawai untuk mengkompaun mana-mana kesalahan dibawah Akta dan Peraturan

Nilai kompaun tidak melebihi RM2000.00

Pengeluaran kompaun hendaklah mengikut kaedah-kaedah yang telah ditetapkan

1. (KKKAS (Mengkompaun Kesalahan-Kesalahan) 1978
2. KKKAS (Mengkompaun Kesalahan-Kesalahan) (Pembakaran Terbuka) 2005

**Seksyen 46A**

Kuasa untuk menyita kenderaan/kapal yang digunakan dalam kes pelupusan yang berlanggaran dengan akta ini.

Boleh dilepaskan apabila siasatan selesai dengan sesuatu Bon/Sekuriti yang mencukupi.

**Seksyen 46BA**

Menyediakan senarai bahan yang disita semasa siasatan di bawah Seksyen 38. Senarai tersebut perlu ditandatangani oleh beliau.

**Seksyen 46BB**

Boleh melepaskan bahan yang disita selepas dirujuk kepada Pendak dalam 7 hari dari tarikh pelupusan.

### Seksyen 46BB

Kuasa untuk menyita kenderaan/kapal yang digunakan dalam kes pelupusan yang berlanggaran dengan akta ini.

Boleh dilepaskan apabila siasatan selesai dengan sesuatu Bon/Sekuriti yang mencukupi.

### Seksyen 48A


Kuasa memeriksa, menguji dan melarang penggunaan/sebaliknya kenderaan diesel atau petrol yang gagal ujian dalam tempoh ditetapkan

Boleh menahan kenderaan tidak melebihi 48 jam

Memaksa kenderaan untuk hadir pemeriksaan

Mendapatkan maklumat kenderaan dari pemilik

(Denda RM5000.00 atau 1 tahun penjara atau kedua-duanya sekali)



**Seksyen 48AA**

Pegawai boleh akses kepada data komputer yang berkaitan dengan siasatan dibawah Akta ini.

Kata laluan, kod penyulitan , kod penyahsulitan, perisian atau perkakasan yang perlu dan apa-apa cara lain yang diperlukan untuk fahami data komputer **HENDAKLAH DIBERIKAN**

### Seksyen 48AC

Pegawai JAS mempunyai kuasa untuk :

- Menghendaki kemuka buku, rekod, computer buangan, lesen dsbnya untuk diteliti, periksa, muat turun, buat Salinan atau ambil cabutan
- Menghendaki kemuka dokumen pengenalan orang yang berkait dengan perbuatan atau kesalahan bawah AKAS 1974
- Buat apa siasatan untuk tentukan pematuhan kepad AKAS 1974

### Seksyen 48AD

Pegawai JAS tidak boleh dihalang untuk akses mana-mana premis

Pegawai diugut, amang, halang, sekat dan ggangu semasa melaksanakan tugasnya

Maklumat berhubung kesalahan hendaklah diberikan apabila dikehendaki.

(Denda RM10000.00 atau 2 tahun penjara atau kedua-duanya sekali)

**Seksyen 48B**

Pegawai JAS boleh menghendaki mana-mana orang memberikan BANTUAN sekiranya terjadi pencemaran atau ancaman pencemaran yang mungkin berlaku pad bila-bila masa kepada alam sekeliling (*terutama semasa siasatan*)

**MAJLIS KUALITI ALAM SEKELILING****Seksyen 4, 5, 6, 7, 8 & 9**

- Penubuhan Majlis Kualiti Alam Sekeliling, peranan dan ahli-ahlinya ( 19 orang)
- Tempoh jawatan (selama 3 tahun) dan kelayakan untuk dilantik semula
- Kehilangan kelayakan.
- Mesyuarat dengan kekerapan 4 bulan sekali, koram sekurang2nya 8 oarang, pengundian dan minit mesyuarat,
- Pengerusi mesyuarat Majlis,
- Saraan dan bayaran hadir mesyuarat.

BAYARAN SES & KUMPULAN WANG ALAM  
SEKELILING

**Seksyen 36,36B, 36C, 36D &36E**

- Ses Penyelidikan – Pemungutan wang berkaitan buangan yang dihasilkan untuk jalankan, galakan atau selaras penyelidikan berhubungan dengan aspek pencemaran
- Penubuhan Wang Kumpulan Wang Alam Sekeliling -dikendalikann sebagai Akaun Amanah dalam Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan
- Jawatan Kumpulan Wang Alam Sekeliling -mempunyai kawalan Kumpulan Wang (pengurus - KPAS)(Kuorum 3 orang)
- Caruman ke dalam Kumpulan Wang -Petroleum, Bahan Berbahaya dll (pada kadar yang dinyatakan)
- Pemakaian Kumpulan Wang – penyelidikan/audit alam sekeliling, memulihkan buangan/pengurusan pencemaran, mencegah kejadian tumpahan minyak/BT, langkah pemuliharaan akibat pencemaran..

**LESEN & KEBENARAN BERTULIS**

## PELESENAN

Di bawah AKAS 1974 pemprosesan pelesenan atau lesen adalah berkaitan dengan:

1. Premis yang ditetapkan (PYDT) termasuklah :
  - o Kilang Minyak Kelapa Sawit Mentah
  - o Kilang Getah Asli Mentah
  - o Premis Buangan Terjadual
2. Lesen Perlanggaran bagi melanggar had pelepasan di bawah PPKAS (PUB) 2005 dan PPKAS (EP) 2009
3. Prosedur lesen di bawah PPKAS (Pelesenan) 1977

PIHAK BERKUASA <b>PELESEN</b>	LESEN	SYARAT LESEN	PEMBAHARUAN LESEN
<b>Ketua Pengarah Alam Sekeliling</b>	 <b>s10</b>  <b>s11</b>  <b>s12</b>  <b>s13</b>	<p>Baru, Baharu, pindah milik &amp; bayaran lessen. Permohonan bertulis. Lulus bersyarat/tidak. Boleh batal syarat/pinda/tambah syarat Tidak boleh lulus sebab langgar skim rancangan bandar Keputusan batal muktamad.</p>	<p>Pematuhan syarat lesen. Pemasangan/penambahan Kelengkapan kawalan. Rayuan syarat.</p> <p>Tempoh lesen 1 tahun dan tempoh permohonan pembaharuan tidak kurang 3 bulan dan tidak lebih 4 bulan dari tempoh tamat lesen serta bayaran</p>

			
<b>s14</b>	<b>s16</b>	<b>s17</b>	<b>s18</b>
<b>PINDAH MILIKAN LESEN</b>  Pemindah-milikan lesen boleh dibuat pada bila masa	<b>PEMEGANG LESEN PATUH SYARAT</b>  Pemegang lesen hendaklah patuh syarat lesen ditetapkan setiap masa  Denda RM25,000 /2 tahun penjara /keduanya sekali / RM 1000 sehari	<b>BAYARAN LESEN</b>  Bayaran dan faktor jumlah bayaran lesen.  PPKAS(PYDT)/(MK SM) 1977 PPKAS(PYDT)/G AM) 1978	<b>PREMIS DITETAPKAN HENDAKLAH DILESEN</b>  Premis yang ditetapkan mestilah mempunyai lesen  Denda RM50,000/2 tahun penjara /RM 1000 sehari

### KEBENARAN BERTULIS

**s.19** - Kebenaran bertulis dari KPAS untuk menjadikan premis atau kenderaan atau kapal atau tanah atau bangunan untuk menjadi suatu premis yang ditetapkan.

**s.20** - Permohonan mendapat kebenaran bertulis, maklumat, pelan, bayaran dan kelulusan .

Permohonan perlu mendapat kelulusan rancangan dari pihak berkuasa perancang yang layak.

## RAYUAN DAN LEMBAGA RAYUAN

### **(s.35) Rayuan - Rayuan boleh dibuat berdasarkan;**

- Lesen dan pemindahmilik lesen tidak diluluskan
- Syarat, had dan sekatan ke atas lesen
- Pembatalan, penggantungan atau pengubahans lesen
- Amaun yang dibayar dibawah s.47
- Keputusan dibawah s.34 (ss. 3 & 4) dan s.48A (ss. 2 & 5)



### **(s.36) Lembaga Rayuan**

- Dilantik 3 ahli (Pengerusi, Timbalan Pengerusi & ahli)
- Pengerusi dan Timbalannya dinamakan oleh Ketua Hakim Negara
- Pemberitahuan melalui Warta oleh Menteri dengan tempoh tidak lebih 3 tahun
- Menteri boleh batalkan perlantikan tanpa sebab
- Keputusan rayuan dibuat oleh Pengerusi
- Perbicaraan mengikut Kaedah mahkamah Rendah
- Lembaga boleh award kos atau perintah

## LARANGAN & KAWALAN PENCEMARAN

### SYARAT-SYARAT YANG BOLEH DITERIMA


(s.21) - Menteri melalui PERATURAN menentukan

1. Syarat-syarat yang boleh diterima bagi pengeluaran, pelepasan atau perletakan BB, pencemar, buangan atau pengeluaran bunyi bising ke dalam sesuatu kawasan , segmen atau unsur,
2. membuat larangan atau sekatan pelepasan, pengeluaran atau perletakan sesuatu kawasan, segmen atau unsur alam sekeliling

## PENCEMARAN UDARA

- **(s.22)** - Larangan pengeluaran dan pelepasan benda berbahaya kepada alam sekeliling, pencemar dan buangan kedalam udara tanpa lesen  
*Letak, sebab dan benar dilepaskan, membakar dan penggunaan alat pembakaran bahan api*
- **(s. 23)** - Larang mengeluar, sebab atau benar pelepasan bunyi bising kuat tanpa lesen

Denda RM 100,000.00 /5 tahun Penjara/ Kedua-duanya sekali



## PENCEMARAN TANAH TANIH



- (s.24)** - Larangan mencemar atau sebab atau benarkan dicemarkan mana-mana tanah tanpa lesen  
 Meletak benda cecair, pepejal atau gas atas tanah dan boleh masuk kedlam tanah  
 Longgok sampah sarap, kotoran , enap cemar dll memudaratkan tanah tanih dan air bawah tanah

Denda RM100,000.00 /5 tahun Penjara/ Kedua-duanya sekali

**SEKATAN PENCEMARAN PERAIRAN DARATAN**

**(s.25) (1) -** Tiada seseorang boleh keluar, lepas, letak bahan berbahaya kepada alam sekeliling, pencemar atau buangan ke dalam perairan daratan tanpa lesen





**(2) -** Tidak menghadkan keluasan subsekyen (1).

**(3)** Denda RM100,000.00 /5 tahun Penjara/ Kedua-duanya sekali / 1 ribu setiap hari

**(s.25) (2) -** Tidak menghadkan keluasan subsekyen (1).

Disifatkan sebagai keluar, lepas atau letak buangan ke perairan daratan secara langsung/tidak langsung

Sebabkan suhu perairan naik/turun melebihi had dietapkan

## LARANGAN PELEPASAN MINYAK KE PERAIRAN MALAYSIA

- **(s.27) (1)** Tiada seseorang boleh melepaskan atau menumpahkan minyak ke dalam Perairan Malaysia tanpa lesen

(2) Denda RM500,000.00 /5 tahun Penjara/ Kedua-duanya sekali

- **(s.28)** Pembelaan Khas terhadap s.27 seperti faktor keselamatan vesal dan nyawa manusia, kerosakan vesal, kebocoran & henti/kurangkan tumpahan

## LARANGAN PELEPASAN BUANGAN KE PERAIRAN MALAYSIA

- **(s.29) (1)** Tiada seseorang boleh melepaskan benda berbahaya kepada alam sekeliling, pencemar atau buangan ke dalam Perairan Malaysia tanpa lesen.



(2) Denda RM500,000.00 /5 tahun Penjara/  
Kedua-duanya sekali



PPKAS (Buangan Terjadual) 2009

**PEMBAKARAN TERBUKA (OB)**

---

**(s.29A) (1) Larangan Pembakaran terbuka**

(2) Denda RM500,000.00 / 5 tahun  
Penjara / Kedua-duanya sekali



**(s.29AA) Aktiviti yang diisyiharkan**

**(s.29B) Penduduk atau pemunya ber-tanggungjawab bagi OB di premis mereka**

**(s.29C) Pembelaan**

**(s.29A, 29B & 29C) - samb...**

---

29A - KPAS boleh beri kelulusan samada bersyarat atau tidak

29B - Terima, hantar, transit, BT dengan kelulusan yang diperolehi melalui :

- pemalsuan
- salah nyataan
- Fraud

29C - tidak patuh cara dengan cara yang material dengan dokumen yang relevan dalam borang yang ditetapkan

KKKAS (Mengklompaun Kesalahan-Kesalahan) (Pembakaran Terbuka) 2000

### LARANGAN PENGGUNAAN APA-APA BAHAN ATAU KELENGKAPAN

**(s.30)** Menteri melalui perintah yang diwartakan boleh (1) larang penggunaan apa2 bahan untuk proses, tred atau perindustrian eg bahan mentah dll), (2) larang penggunaan apa2 kelengkapan atau loji perindustri mengikut perihal atau jenama, dalam kawasan tertentu yang dinyatakan

### KAWALAN PENGGUNAAN BENDA & KELUARAN & NYATAKAN PELABELAN

**s.30A** Menteri melalui perintah boleh (1) tetapkan BB berbahaya kepada alam sekeliling dikurang, dikitar,dapatkan atau di kawal mengikut cara ditetapkan, (2) tetap apa2 keluaran untuk jualan mengandungi peratusan minimum benda yang dikitar, kaedah pengilangan dan pelupusannya.

Kaedah penggunaan , reka bentuk dan pemakaian label berkaitan penjualan benda keluaran yang diperakukan sebagai tidak memudaratkan alam sekeliling

Larang penggunaan apa2 bahan untuk proses, tred atau perindustrian eg bahan mentah dll), larang penggunaan apa2 kelengkapan atau loji perindustri mengikut perihal atau jenama, dalam kawasan tertentu yang dinyatakan

(2) Denda RM50,000.00 /5 tahun Penjara/ Kedua-duanya sekali

## KUASA MENYATAKAN KAEADAH-KAEADAH MENGENAI SKIM DEPOSIT

(s.30B) Menteri boleh menyatakan garis panduan dan prosedur mengenai skim deposit dan rebet berhubungan dengan pelupusan keluaran

- (1) memudaratkan alam sekeliling,
- (2) sebab kekangan bertentangan terhadap alam sekitar

bagi memungut keluaran dengan berkesan tetap apa2 keluaran untuk pastikan kitaran atau pelupusan keluaran dibuat dengan cara yang baik.

## SENGGARA & KENDALI KELENGKAPAN

(s.32) Pemunya atau pemilik kenderaan, kapal, atau premis atau pesawat udara hendaklah **MENYENGGARA** kelengkapan atau kelengkapan kawalan yang dipasang pada kenderaan, kapal atau premis atau pesawat udara itu dalam **KEADAAN YANG BAIK** dan hendaklah kendalikan kelengkapan itu atau kelengkapan kawalan itu dengan **CARA YANG PATUT** dan **CEKAP**.

### KUASA KAWAL ORANG YANG DILESEN

(s.33) Jika beberapa Orang yang dilesenkan di bawah AKAS 1974 untuk mengeluarkan, melepas atau letak BB kepada alam sekeliling, pencemar atau buangan ke dalam segmen/unsur alam sekitar dengan mematuhi syarat-syarat ditetapkan TETAPI kesan KOLEKTIF kesemua buangan mungkin/akan sebabkan bertambah buruknya segmen/unsur alam sekeliling (kesihatan, kebijakan, atau keselamatan manusia atau ancam kehidupan binatang, burung, hidupan liar, ikan atau lain-lain hidupan dalam air)

MAKA KP melalui NOTIS SECARA BERTULIS kepada setiap orang tersebut untuk HENTIKAN PENGELOUARAN, PELEPASAN, ATAU PERLETAKAN mengikut cara dan tempoh yang ditetapkan.

### AUDIT ALAM SEKELILING

(s.33a) Pemunya atau pemilik kenderaan, kapal, atau premis atau pesawat udara boleh dikehendaki menjalankan audit alam sekeliling dan kemukakan laporan audit mengikut cara ditetapkan dalam PERATURAN yang dibuat di bawah AKAS 1974 (setakat ini belum ada peraturannya)

Audit alam sekeliling dan laporan hendaklah dijalankan dan dikemuka oleh (1) Orang yang layak yang dilantik oleh KP/JAS, (2) Orang yang layak yang dilantik oleh Pemunya/Pemilik selepas diarahkan oleh KP/JAS

Senarai Orang yang layak disenggara oleh JAS bagi menjalankan audit dan kemukakan laporan.

## PENGECUALIAN

**(s.34)** Jika seseorang ada kepentingan yang mustahak untuk menjalankan penyiasatan dan penyelidikan berkaitan masalah pencemaran boleh dibuat demikian tanpa menyebabkan didakwa di bawah AKAS 1974 atau peraturan di bawahnya, JIKA KP berpuas hati dan mengecualikannya secara bertulis kepada pemohon tersebut.

Pengecualian kepada premis,  
kelengkapan atau loji perindustrian  
tertakluk syarat dan tempoh yang ditetapkan.



## LAPORAN KESAN KEPADA ALAM SEKELILING

- (s.34A)** (1) Jalankan aktiviti yang ditetapkan perlu laporan EIA.
- (2) Kajian dan laporan oleh orang yang layak
- (2B) Peranan orang yang layak – tanggung jawab, maklumat tidak palsu & insuran
- (2C) Laporan ikut garispanduan ditetapkan
- (3) Kelulusan laporan dan syarat kelulusan
- (4) Tidak meluluskan laporan dengan alasan

(5) Keperluan kemukakan maklumat tambahan

(6) Jalankan aktiviti selepas laporan kelulusan diperolehi

(7) Pematuhan syarat-syarat kelulusan laporan dan bukti pematuhan/langkah pencegahan

**(8) Denda RM500,000.00 /5 tahun Penjara/ Kedua-duanya sekali**

### PENGURUSAN BUANGAN TERJADUAL

**(s.34B)** - Larangan terhadap penempatan, perletakan, dsb. buangan terjadual

(1) Tiada seorang pun boleh :

- (a) tempat, letak, atau lupus atau sebab atau benar tempat, letak dan lupus **kecuali di premis yang ditetapkan sahaja BT didarat atau ke dalam perairan Malaysia (Laut Wilayah)**
- (b) terima , hantar , sebab diterima atau dihantar BT didalam /luar Malaysia
- (c) transit, sebab atau benarkan ditansit BT

tanpa kelulusan bertulis dari KPAS



(s.34B) - samb...

(2) KPAS boleh beri kelulusan samada bersyarat atau tidak

(3) Terima, hantar, transit, BT dengan kelulusan yang diperolehi melalui :

- o pemalsuan
- o salah nyataan
- o fraud
- o tidak patuh cara dengan cara yang material dengan dokumen yang relevan dalam borang yang ditetapkan

(4) Hukuman  
5 tahun  
penjara dan  
Denda  
RM500,000.00  
(penjara  
mandatori  
minima 1 hari)

adalah satu kesalahan

## TINDAKAN SUSULAN PENGUATKUASAAN

**(s.31)** - melalui Notis Arahan supaya pasang, baiki, kendali alat kawalan , kajian dan henti pencemaran dalam tempoh ditetapkan

(Denda RM25,000/2 tahun penjara /RM 1000 sehari)

**(s.31A)** KP boleh keluarkan Perintah Larangan secara bertulis kepada pemunya/penduduk melarang loji perindustrian atau proses perindustrian dikendali secara berterusan yang boleh untuk hentikan pelepasan BB kepada alam sekeliling, pencemar atau buangan

(Denda RM50,000.00 atau 2 tahun penjara atau kedua-dua sekali)

**(s.34AA)** Perintah larangan atau perintah berhenti kerja bagi aktiviti ditetapkan bersyarat atau tidak dalam tempoh ditetapkan

Sebab – tanpa kelulusan, mencabuli syarat dan sebabkan kerosakan alam sekeliling

Denda RM500,000/ 5 tahun penjara /RM 1000 sehari)

**(s.37)** - Notis Arahan supaya kemukakan maklumat berkaitan pemunyaan, bahan mentah, kelengkapan,risiko dll. dalam tempoh ditetapkan

(denda RM2,000/6 bulan penjara)

### PENYAMPAIAN NOTIS

**(s.39)** Penyampaian notis, perintah, saman atau suratan boleh disampaikan kepada seseorang dengan:

- (1) serahan dengan tangan
- (2) tinggalkan ditempat biasa urusannya
- (3) hantar melalui pos berdaftar

Notis disampaikan secara diatas hendaklah disifatkan telah disampai Notis tersebut bila usaha munasabah telah dilakukan, dengan menampalnya ditempat yang mudah dilihat di premisnya

**(s.41)** Seksyen ini membolehkan kesalahan di bawah Seksyen yang tidak diperuntukkan denda/penalti.

*(Denda RM10,000.00 atau 2 tahun penjara atau kedua-dua sekali).*

**(s.42)** Seseorang yang mencuba atau bersubahat melakukan kesalahan di bawah AKAS 1974 boleh dihukum dengan hukuman yang diperuntukkan bagi kesalahan tersebut.

### KESALAHAN KUMPULAN, PENJAWAT & EJEN

**(s.43)** Kesalahan yang di lakukan oleh Syarikat, pertubuhan firma atau kumpulan orang, pengarah, ketua pegawai eksekutif, pengurus atau lain-lain pegawai, rakan kongsi yang bertugas semasa kesalahan dilakukan, hendaklah bersalah atas kesalahan melainkan dibuktikan kesalahan dilakukan tanpa persetujuannya atau dibiarkan olehnya

Bila mahkamah berpuashati kesalahan di lakukan oleh kerani, penjawat, ejen maka prinsipal hendaklah bertanggungan atas perlanggaran itu melainkan dibuktikan kesalahan dilakukan tanpa pengetahuan, persetujuannya atau mengambil langkah pencegahan untuk mematuhi.

Sekyen ini tidak mengecualikan dari tanggungan terhadap kerani, penjawat atau ejen maka prinsipal apabila dibuktikan pelanggaran dilakukan oleh mereka.

### PENDAKWAAN & MENGKOMPAUN KESALAHAN

**(s.44)** Pendakwaan kesalahan dibawah akas 1974 dan peraturannya boleh dimulakan setelah mendapat izin bertulis dari Pendakwa Raya.

**(s.46)** Perbicaraan kes kesalahan di bawah akas 1975 adalah di bawah bidang kuasa Mahkamah Sesyen di malaysia barat dan Mahkamah Mejistret Kelas 1 di malaysia timur

**(s.45)** Mengkompaun kesalahan – telah dihuraikan bawah kuasa pegawai

<b>PELUCUTHAK KENDERAAN, KAPAL, BUKU dsb YANG DISITA</b>	
<b>SEKSYEN</b>	<b>PERKARA</b>
<b>s.46B</b>	<p>Bahan yang disita boleh dilucuthak seperti kapal, kenderaan , komputer, kelengkapan, bahan buangan dll samada ada prosiding atau tidak</p> <p>Pemilik boleh tuntut dalam tempoh 1 bulan selepas notis dikeluarkan</p> <p>Tuntutan akan diputuskan oleh Hakim Mahkamah Seksyen yang dirujuk</p> <p>Kaedah pelupusan bahan dilucuthak dengan arahan mahkamah atau ditetapakan oleh KPAS</p>

<b>PENYITAAN</b>	
<b>SEKSYEN</b>	<b>PERKARA</b>
<b>s.46BB</b>	Rekod pelepasan bahan disita disediakan selepas keputusan Hakim dan salian kepada Pendakwa Raya
<b>s.46BC</b>	Kos memegang ditanggung oleh pemilik /penduduk bahan disita
<b>s.46D</b>	Tiada kos ganti rugi oleh JAS terhadap bahan disita
<b>s.46E</b>	Selain denda , Mahkamah boleh kenakan pampasan bagi kerugian atau kerosakan harta benda dengan amaun yang patut

### TUNTUTAN KOS & PERBELANJAAN & TAHAN & JUALKAPAL /KENDERAAN

**(s.47)** - Bila berlaku pencemaran, untuk hapus, surai, binasa atau kurangkan pencemaran, KP boleh menuntut kos pembersihan pencemaran dari pemilik atau penduduk. Perakuan KPAS adalah satu *prima facie*.

**(s.48)** - menahan dan menjual kenderan/ kapal bagi kes tumpahan minyak atau pelupusan buangan terjadual untuk tanggung kos pembersihan.

### ANGGAPAN

**(s.48AB)** Bahan yang disyaki sebagai BT dalam beberapa bekas, adalah mencukupi untuk analisis sampel bahan bagi amaun yang ditentukan dan jika keputusan membuktikan kesemua sampel adalah SAMA DISEGI SIFAT DAN PERIHAL maka semua sampel adalah sama disegi sifat dan perihalnya sebagaimana sampel dianalisis sehingga JIKA DIBUKTIKAN SEBALIKNYA.  
BT tersebut hendaklah dilupuskan mengikut cara sebagaimana yang tetapkan

<b>PERWAKILAN</b>	<b>OYB/CP</b>	<b>GANJARAN</b>
<p>(S.49) KPAS boleh wakilkan kuasa kepada mana-mana agensi kerajaan bagi:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• pengeluaran lesen</li> <li>• penyiasatan</li> <li>• penguatkuasan</li> </ul>	<p>(s.49A) – Orang yang berwibawa Pemilik/penduduk mesti ambil kerja orang yang berwibawa (jalan aktiviti &amp; buat laporan)</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Pengendalian kelengkapan kawalan</li> <li>- Pengurusan BT</li> <li>- Menjalankan kajian</li> <li>- Sedia laporan, pelan dan cadangan</li> </ul>	<p>(s.49B) - ganjaran kepada pemberi maklumat (infomer)</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>– bayaran tertentu bagi pengesanan apa</li> <li>– apa kesalahan dibawah akta</li> </ul>

s.50	<b>PERAHSIAAN</b>  Menzahirkan maklumat pentadbiran dan pelaksanaan Akta tanpa persetujuan merupakan satu kesalahan (maklumat saksi/pengadu/tred /proses/perindustrian) <b>(Denda RM10,000/5 tahun penjara /RM 1000 sehari)</b>
s.50 A	<b>PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT</b>  Maklumat informer tidak boleh dizahirkan oleh saksi  <b>Maklumat pada dokumen ditutup/padam oleh Mahkamah</b>  <b>Boleh zahir jika informer bagi maklumat palsu</b>  <b>Beri maklumat palsu dibawah Akta ini satu kesalahan</b>

## PERATURAN-PERATURAN

**(s.51)** sebagai tambahan dan kurangkan kuasa dalam AKAS 1974, Menteri membuat peraturan-peraturan berkenaan :

- Tetapkan bayaran lesen
- Tetapkan had /standard pelepasan ke udara, air dsb
- Larangan perletakan, pelepasan dan pengeluaran
- Larangan penggunaan kelengkapan, kapal, kenderaan
- Larangan pembakaran terbuka,
- Kawalan tempat pelupusan BT
- Audit alam sekeliling
- Penilaian risiko dll

Denda ditetapkan tidak lebih RM100,000.00 atau penjara 2 tahun atau kedua-duanya sekali.

## PENUTUP

